

Dataprep catat untung bersih RM2.4j

KUALA LUMPUR 31 Mei — Dataprep Holdings Bhd. mencatatkan untung bersih RM2.367 juta untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2005.

Syarikat perundingan dan perkhidmatan teknologi itu mengalami kerugian bersih RM39.277 juta dalam tahun kewangan sebelumnya.

Ketua Pegawai Eksekutif Dataprep, Chew Liong Kim berkata, kerja-kerja ke atas projek sektor awam yang terganggu yang diperolehi oleh anak syarikatnya, Solsis (M) Sdn. Bhd., kini berjalan lancar.

“Ini akan menyumbang secara positif kepada jualan dan untung bagi tahun kewangan 2006,” kata beliau dalam satu kenyataan hari ini.

Liong Kim berkata, HRM Business Consulting Sdn. Bhd., anak syarikat perunding perniagaannya yang diambil alih daripada rakan kongsinya, Arthur Andersen, bulan Jun 2002 juga telah diserap sepenuhnya ke dalam kumpulan.

“Ini akan membantu meningkatkan dengan ketara sistem perumusan dan keupayaan penyampaian Dataprep,

terutamanya dalam sistem-sistem kritikal seperti sektor bidang kuasa, media, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan sektor industri agro,” tambah beliau.

Liong Kim berkata, penyusunan semula kebolehan teras Dataprep, ruman dan perkhidmatan dalam lingkungan keperluan pelanggan begitu penting dalam membantu syarikat yang berusia 34 tahun itu mendapatkan tempat semula dalam pasaran teknologi maklumat (IT) Malaysia. — Bernama